

Jumaat, 9 Mac 2018

KENYATAAN MEDIA

FASA 1 MYBAS KUALA TERENGGANU DILAKSANAKAN LEBIH AWAL DARIPADA JANGKAAN

9 MAC 2018, KUALA TERENGGANU ? Pelaksanaan sepenuhnya Fasa 1 myBAS Kuala Terengganu di bawah program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) akan dioperasikan pada 11 Mac 2018, iaitu lebih awal daripada jangkaan sebelum ini (15 Mac 2018).

Laluan-laluan utama baru iaitu T102 dari Kuala Terengganu ke Jeti Merang dan T301 dari Kuala Terengganu ke Marang, bersama-sama laluan T202 (Kuala Terengganu ? Bukit Payung) dan F100 (laluan pengantara Kuala Terengganu) yang telah mula beroperasi 1 Mac lalu, akan melengkapkan pelaksanaan Fasa 1 myBAS Kuala Terengganu, dengan jarak terkumpul hampir 100km. Sebelas (11) bas mini berkapasiti 38 penumpang, telah disediakan bagi pelaksanaan Fasa 1 ini.

Perkhidmatan myBAS Kuala Terengganu yang bermula pada 11 Mac 2018:

| BAS | LALUAN | MAKLUMAT OPERASI |
|-------------|---|--|
| T102 | Kuala Terengganu ? Jeti Merang melalui Lapangan Terbang Sultan Mahmud | Waktu operasi: Ahad-Khamis: 6:00 am?7:30 pm Jumaat: 6:00 am ? 7:30 pm Sabtu: 7:00 am ? 7:00 pm Kekerapan: Waktu puncak - 60 minit Bukan puncak- 90 minit |
| T301 | Kuala Terengganu ? Marang | Waktu operasi: Ahad-Khamis: 6:00 am?7:30 pm Jumaat: 6:00 am ? 7:30 pm Sabtu: 7:00 am ? 7:00 pm Kekerapan: Waktu puncak - 60 minit Bukan puncak- 90 minit |

Bagi mendapatkan maklumat terkini yang lebih terperinci mengenai perkhidmatan myBAS Kuala Terengganu, orang ramai boleh melayari www.maralinergroup.my [1] atau melalui Facebook.com/MARALinerSdnBhd atau Twitter @MaralinerGroup.

Nota tambahan kepada pengarang:

Perkhidmatan myBAS Kuala Terengganu Fasa 1 yang telah bermula pada 1 Mac 2018:

| BAS | LALUAN | MAKLUMAT OPERASI |
|------|---|--|
| T202 | Kuala Terengganu ? Bukit Payung melalui Pasir Panjang | Waktu operasi: Ahad-Khamis: 6:00 am?7:30 pm Jumaat: 6:00 am ? 7:30 pm Sabtu: 7:00 am ? 7:00 pm Kekerapan: Waktu puncak - 60 minit Bukan puncak- 90 minit |
| F100 | Kuala Terengganu ? Pengantara | Waktu operasi: Ahad-Khamis: 6:30 am?7:00 pm Jumaat: 6:30 am ? 7:00 pm Sabtu: 7:00 am ? 7:00 pm Kekerapan: Waktu puncak - 30 minit Bukan puncak- 30 minit |

[Muat Turun Fail](#) [2]

FASA 1 MYBAS KUALA TERENGGANU DILAKSANAKAN LEBIH AWAL DARIPADA JANGKAAN [3]

Source URL: <http://www.apad.gov.my/ms/pusat-media/kenyataan-media/2018/fasa-1-mybas-kuala-terengganu-dilaksanakan-lebih-awal-daripada>

Links

[1] <http://www.maralinergroup.my>

[2] http://www.apad.gov.my/sites/default/files/kenyataan_media_-_fasa_1_mybas_kuala_terengganu_dilaksanakan_lebih_awal_daripada_jangkaan.pdf

[3] <http://www.apad.gov.my/ms/pusat-media/kenyataan-media/2018/fasa-1-mybas-kuala-terengganu-dilaksanakan-lebih-awal-daripada>